

# Usaha untuk dapatkan AP selaku presiden

24 OCT 1986

PENIAGA SILAT

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) sedang berusaha untuk mendapatkan seorang Anggota Parlimen untuk menyandang jawatan Presiden bagi persekutuan itu.

Berita Harian difahamkan, nama Anggota Parlimen Tanah Merah, Encik Ibrahim Othman, telah sebut-sebut untuk mengisi kekosongan bagi jawatan Presiden berikutnya perletakan jawatan Dr Haji Ya'acob Mohamed.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, berkata Encik Ibrahim telah banyak memberikan sumbangan kepada perkembangan seni silat yang diusahakan oleh Persisi terutama sekali semasa beliau menjadi Pengetua Sekolah Menengah Mayflower.

Pada masa yang sama, Persisi juga sedang mengorak langkah untuk menarik penyertaan beberapa orang karyawan sebagai penaungnya.

Antara yang diusahakan ialah mendapatkan khidmat seorang peniaga dan seorang ahli perubatan.

Persisi, tambahnya, memerlukan khidmat kedua-dua golongan karyawan yang disebutkan tadi kerana ia mempunyai kaitan langsung dengan kegiatan anjurannya.

## Masalah

Oleh kerana kewangan merupakan satu masalah yang sering dihadapi oleh Persisi, maka nasihat dari seorang karyawan dalam bidang perniagaan mungkin dapat membantu Persisi melancarkan projek-projek mencari dana.

Sumbangan yang boleh diharapkan daripada pegawai perubatan yang mempunyai hubungan langsung dengan Persisi juga akan dapat membantu persatuan itu memenuhi keperluan khidmat perubatan lebih-lebih lagi semasa diadakan sesuatu pertandingan silat.

"Saya yakin kami tidak akan menghadapi masalah untuk mendapatkan khidmat dari golongan karyawan itu," jelas Encik Johari lagi.